

HOVID ENTECAVIR TABLETS

Entecavir tablets 0.5mg (0.5mg), Entecavir tablets 1.0mg (1 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan Hovid Entecavir
2. Bagaimana Hovid Entecavir berfungsi
3. Sebelum menggunakan Hovid Entecavir
4. Cara menggunakan Hovid Entecavir
5. Semasa menggunakan Hovid Entecavir
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Hovid Entecavir
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Hovid Entecavir

Hovid Entecavir digunakan untuk rawatan jangkitan kronik virus hepatitis B dalam kalangan orang dewasa yang mempunyai:

- Hati yang rosak tetapi masih berfungsi dengan baik (*compensated liver disease*)
- Hati yang rosak dan tidak berfungsi dengan baik (*decompensated liver disease*)

Bagaimana Hovid Entecavir berfungsi

Jangkitan hepatitis B virus boleh menyebabkan kerosakan hati. Hovid Entecavir mengurangkan bilangan virus dalam badan anda, dan memperbaiki keadaan hati.

Sebelum menggunakan Hovid Entecavir

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan makan ubat ini jika:

- Anda mempunyai alahan pada Entecavir atau bahan-bahan lain dalam ubat ini.
- Anda ialah pesakit HIV/ HBV tetapi tidak menerima terapi antiretroviral (HAART).
- Anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin akan mengandung, melainkan jika doktor telah mempertimbangkan keadaan anda dan mengarahkan anda untuk mengambil ubat ini. Hovid

Entecavir belum dibuktikan selamat untuk diambil semasa mengandung.

- Anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil sebarang ubat. Adalah tidak diketahui sama ada Entecavir akan disingkirkan melalui susu badan.

Hovid Entecavir adalah tidak digalakkan untuk digunakan dalam kalangan kanak-kanak di bawah umur 16 tahun.

- Sebelum mula mengambil

Sila maklumkan dan berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda jika:

- Anda pernah meghadapi masalah buah pinggang
- Anda pernah menjalankan operasi pemindahan hati
- Hati anda tidak berfungsi dengan baik (*decompensated liver disease*)
- Anda mempunyai alahan lain atau masalah kesihatan
- Anda pernah menerima rawatan untuk hepatitis B kronik

Doktor anda akan membuat keputusan sama ada Hovid Entecavir sesuai untuk anda atau tidak.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi kerana interaksi ubat dengan Entecavir mungkin akan berlaku. Anda boleh berbincang dengan doktor atau ahli farmasi jika anda mempunyai sebarang masalah lain.

Cara menggunakan Hovid Entecavir

- Berapa banyak harus digunakan

Patuhi semua arahan yang diberikan kepada anda oleh doktor dan ahli farmasi anda. Arahan yang diberikan mungkin berbeza dari maklumat yang terkandung dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan dalam risalah ini, anda boleh bertanya kepada doktor atau ahli farmasi. Doktor anda akan

menentukan dos yang sesuai diambil berdasarkan keadaan anda.

Hovid Entecavir adalah untuk kegunaan oral sahaja.

Dos yang disyorkan adalah 0.5mg atau 1mg tablet sekali sehari. Dos ini adalah berdasarkan:

- Sama ada anda pernah dirawat untuk jangkitan HBV dan ubat yang pernah digunakan
- Sama ada anda ada masalah buah pinggang. Doktor boleh bagi dos yang rendah untuk anda atau mengarahkan anda untuk mengurangkan kekerapan mengambil ubat ini.
- Keadaan hati anda

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda. Hovid Entecavir perlu diambil dengan perut kosong melainkan jika dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Anda harus mengambil ubat ini selama tempoh masa yang telah ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat dan ambil dos seterusnya pada masa biasa. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat anda, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun anda tidak mengalami sebarang tanda keracunan atau rasa tidak selesa.

Anda mungkin perlu mendapatkan pemeriksaan perubatan dengan segera.

Semasa menggunakan Hovid Entecavir

- Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda seperti mana yang telah diarahkan oleh doktor.
- Beritahu doktor dengan segera jika anda mengalami apa-apa reaksi alahan / kesan sampingan yang tidak diingini semasa mengambil ubat.
- Beritahu doktor jika anda hamil semasa mengambil ubat ini

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Anda tidak harus mengambil Hovid Entecavir dengan makanan kecuali diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi.
- Anda tidak boleh memberikan Hovid Entecavir kepada orang lain, walaupun mereka mengalami tanda-tanda yang sama seperti anda.
- Anda tidak harus menggunakan ubat ini tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi.
- Anda tidak harus menggunakan ubat ini untuk merawat masalah lain kecuali telah diberitahu oleh doktor atau pegawai farmasi anda.
- Anda tidak harus berhenti mengambil ubat ini sebelum bertanya pada doktor anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Terapi dengan Hovid Entecavir tidak terbukti untuk mengurangkan risiko jangkitan virus hepatitis B. Oleh itu, langkah-langkah pencegahan jangkitan yang sesuai masih perlu diambil.

Kesan-kesan sampingan

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda fikir anda sedang mengalami sebarang kesan sampingan yang tidak diingini semasa mengambil ubat ini seperti:

- Masalah susah tidur
- Sakit kepala
- Pening
- Rasa sangat mengantuk
- Loya
- Cirit-birit
- Ketakcernaan
- Muntah

- Keletihan
- Keradangan hati semakin teruk
- Hati tidak berfungsi dengan baik
- Keguguran rambut
- Ruam

Kesan sampingan lain yang tidak tersenarai mungkin boleh berlaku. Beritahu doktor anda dengan segera.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

Cara penyimpanan dan pelupusan Hovid Entecavir

- Penyimpanan

Jauhi daripada kanak-kanak. Simpan dibawah 30°C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Hovid Entecavir Tablets 0.5 mg

Tablet putih keputihan, berbentuk segi tiga, bersalut filem, terukir dengan 'A' pada satu sisi dan '88' di sebelah.

Hovid Entecavir Tablets 1 mg

Tablet merah jambu, berbentuk segi tiga, bersalut filem, terukir dengan 'A' pada satu sisi dan '89' di sebelah.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif

Setiap Hovid Entecavir Tablets 0.5 mg mengandungi:
Entecavir 0.5 mg

Setiap Hovid Entecavir Tablets 1 mg mengandungi:
Entecavir 1 mg

- Bahan Tidak Aktif

Lactose monohydrate
Microcrystalline cellulose
Crospovidone
Hypromellose
Magnesium stearate

- Nombor MAL

MAL20016148ACZ

Pengilang

Cohance Lifesciences Limited
Plot No. A-19/C, A-23A, A-23B,
Road No.18, IDA, Nacharam,
Medchal-Malkajgiri District,
Telangana, 500 076,
India.

Pemegang Pendaftaran Produk Hovid Bhd.

121, Jalan Tunku Abdul Rahman
(Jalan Kuala Kangsar),
30010 Ipoh, Perak, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

04/07/2023

Nombor Siri

NPRA (R2) 19/90